

ANGGARAN KUANTITI PENDARATAN NELAYAN PANCING  
KECIL-KECILAN DI PESISIRAN PANTAI UTARA TERENGGANU  
MENGUNAKAN INDEKS KELIMPAHAN (CPUE)

MOHD HAYAZI BIN NGAJIKIN

FAKULTI SAINS GUNAAN DAN TEKNOLOGI  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU  
TERENGGANU

1998

LP  
19  
FSGT  
1  
1998

LP 19

1100024077

LP 19 FSGT 1 1998



HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN

1100024077

Anggaran kuantiti pendaratan nelayan pancing kecil-kecilan di pesisiran pantai utara Terengganu menggunakan indeks kelimpahan (CPUE) / Mohd Hayazi Ngajikin.

PERPUSTAKAAN  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

1100024077		

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LP  
19  
FSGT  
1  
1998

## **ABSTRACT**

*This study was carried out to provide some basic informations such as number of fishermen, type of fishing gear, species and quantity of fish landed and CPUE value focused on small scale inshore hand-line fishermen around northern Terengganu inshore water. Three sampling station were selected on Kg. Mengabang Telipot, Kg. Merang and Kg. Penarik. Catch Assessment Survey (CAS) and Frame Survey has been used to achieve the objectives of this study. Two-way ANOVA with replication analysis showed the total catch value for each boat from 3 sampling stations and months in this period was not significantly different ( $p > 0.05$ ). During this study, CPUE mean value of these fishermen were found to be 16.5094 kg/boat-day, where, 16.5094 kg represent the mean catch value produced by a unit of effort (in unit of boat and fishing day). 49.79 metric tons were estimated for the monthly value landed quantity meanwhile, 407.9 metric tons were estimated for the annual landed quantity by using current CPUE index and short run yield equation. Since then, Corelation analysis showed no corelation between mean catch per day value and various type of outboard power application ( $p > 0.05$ ). 10 HP outboard produced the highest mean catch per day value, meanwhile, 'yacht' (sailing boat) produced the lowest.*

**ANGGARAN KUANTITI PENDARATAN NELAYAN PANCING  
KECIL-KECILAN DI PESISIRAN PANTAI UTARA TERENGGANU  
MENGUNAKAN INDEKS KELIMPAHAN (CPUE)**

Oleh

**MOHD HAYAZI BIN NGAJIKIN**

Laporan Projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan  
Ijazah Bachelor Sains Perikanan

Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU  
TERENGGANU

1998

1100024077

## PENGHARGAAN

### *'Bismillahirrahmanirrahim'*

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah *S.W.T.* kerana dengan limpah kurnianya serta berkat keizinanNya maka dapat saya menyudahkan laporan projek ini. Selawat dan salam saya hadiahkan kepada Nabi Muhammad *S.A.W.* .

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan terimakasih tak terhingga kepada almarhum ayahanda Ngajikin b. Hj. Saimon, bonda Jamilah bte Hj. Hassan serta ahli keluarga yang telah banyak memberikan semangat dan turut bersusah payah sepanjang pengajian saya di U.P.M. .

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada En. Mohd Zaidi b. Zakaria selaku penyelia projek kerana telah banyak memberikan tunjukajar, nasihat, semangat dan keyakinan dalam usaha saya menjalankan projek ini. Khas juga kepada Prof. Dr. Mohd Azmi b. Ambak di atas tunjukajar yang berguna dan amat berharga.

Ucapan ribuan terima kasih juga ingin saya sampaikan kepada Sdr. UcHop (43830), kerana telah banyak memberikan bantuan dalam menyudahkan laporan projek ini. Ucapan ini juga ditujukan khas kepada Sdr. Ajirin (41942), Sdr Azlan (40188), 'house-mate' (Ben-44598, Joe-44411, Jlare-40188 & Julai-38056), 'coursemate' (44411, 44598, 40188, 38056, 44259 & 44890), serta rakan-rakan seperjuangan di atas kesabaran, kerjasama dan semangat yang telah diberikan oleh anda sekalian. Tidak dilupakan juga kepada pensyarah-pensyarah dan kakitangan U.P.M. yang juga turut terlibat secara tidak langsung sepanjang kajian ini dijalankan.

Semoga segala sumbangan yang telah diberikan oleh anda semua kepada saya diberkati oleh Allah *s.w.t.* dan diberikan rahmat olehNya supaya kita tergolong dalam golongan manusia yang beruntung di dunia dan akhirat. *Amin ya rabbal 'alamin.*

Mohd Hayazi b. Ngajikin  
Bachelor Sains Perikanan  
(Perikanan laut)  
Universiti Putra Malaysia  
1998

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang maklumat-maklumat asas seperti jumlah nelayan, jenis peralatan penangkapan, spesies yang didaratkan, jumlah pendaratan serta nilai CPUE dengan mengkhusus kepada nelayan pancing kecil-kecilan bagi kawasan pesisiran pantai utara negeri Terengganu. Tiga stesen penyampelan yang telah dipilih ialah Kg. Mengabang Telipot, Kg. Merang dan Kg. Penarik. Dua jenis kaedah kajian iaitu kajian penilaian tangkapan (Catch Assessment Survey) dan kajian rangka (Frame Survey) telah digunakan untuk mencapai objektif-objektif kajian ini. Hasil daripada analisis ANOVA 2 hala dengan replikasi, didapati tiada perbezaan bererti ( $p > 0.05$ ) di antara nilai-nilai jumlah tangkapan bagi setiap bot yang disampel dari ketiga-tiga stesen penyampelan dan di antara bulan bagi tempoh kajian ini. Bagi tempoh kajian, nilai purata CPUE nelayan tersebut adalah 16.5094 kg/bot-hari iaitu di mana seunit usaha (dalam unit hari dan bot) yang dikeluarkan akan menghasilkan tangkapan purata sebanyak 16.5094 kg. Dengan menggunakan indeks CPUE semasa dan fungsi pengeluaran jangka pendek (keluk tangkapan jangka pendek), nilai kuantiti pendaratan ikan bulanan oleh nelayan tersebut dianggarkan berjumlah 49.79 tan metrik manakala kuantiti pendaratan tahunan adalah dianggarkan berjumlah 407.9 tan metrik. Daripada kajian ini juga, hasil analisis kolerasi menunjukkan tiada perhubungan di antara purata jumlah tangkapan per hari dengan penggunaan kuasa enjin sangkut yang berbeza-beza ( $p > 0.05$ ). Penggunaan enjin sangkut 10 HP menghasilkan purata tangkapan per hari yang tertinggi manakala penggunaan layar menghasilkan purata tangkapan per hari terendah.